

10/03/2002

PM raikan ahli Sahoca

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Hasmah Mohd Ali meraikan kira-kira 400 ahli Persatuan Bekas Penuntut Kolej Sultan Abdul Hamid (Sahoca) di kediamannya Seri Perdana di sini, semalam.

Majlis yang berlangsung dua setengah jam itu dianjurkan oleh Sahoca Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

Perdana Menteri yang juga Presiden Sahoca dalam ucapannya berkata, beliau gembira kerana dapat bertemu dengan kawan lama dan bekas pelajar kolej itu.

Katanya, kebanyakan bekas pelajar kolej itu sudah berjaya, bagaimanapun masih ramai yang malu dan tidak mahu dikenali.

"Orang Kedah fikir negeri itu adalah tempat yang paling baik di dunia. Mentaliti seperti itu macam 'katak bawah tempurung'. Sepatutnya lebih ramai lagi datang dan bekerja di Kuala Lumpur. Bekerja dan bersama-sama saya dalam kerajaan ketika saya masih memimpin kerajaan. Datang dan bekerjalah di Kuala Lumpur," katanya.

(END)